

# UMS anjur Kempen Pendidikan Tuberkulosis di Kudat

UB 13.06.2012 B9

KOTAKINABALU: Sekolah Perubatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan akan menganjurkan 'Kempen Pendidikan Tuberkulosis di Daerah Kudat' dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Zero Tuberculosis World Korea.

Kempen ini akan diadakan di empat daerah utama Kudat iaitu Sikuati, Matunggong, Tambuluran dan Mangaris bermula pada bulan Jun hingga September 2012.

Majlis perasmian akan diadakan pada 23 Jun 2012, bertempat di Pusat Pendidikan Perubatan Desa (PPPD) Sikuati, Kudat. Di antara tetamu kehormat yang akan hadir ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dato' Sri Dr Hasan Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Pengarah Hospital Kudat dan pihak Zero Tuberculosis World Korea.

Kempen ini dianjurkan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada orang ramai khususnya penduduk daerah Kudat mengenai

bahaya penyakit batuk kering terutama kepada masyarakat luar bandar.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi motivasi kepada pihak-pihak berkepentingan seperti badan bukan kerajaan, sukarelawan, ketua kampung dan komuniti kepada pencegahan dan kawalan penyakit ini dalam masyarakat.

Pengerusi program ini, Profesor Dr Datu Kamarudin Datu Mudin dan Dr Richard Avoi daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah berharap kempen itu mampu menjana kesedaran dan daripada seluruh prakatanya membantu meningkatkan tahap kesihatan masyarakat luar bandar.

Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan sepanjang kempen berlangsung seperti pemeriksaan kesihatan percuma, ceramah, indoor games, kuiz, cabutan bertuah dan banyak lagi. Tiada sebarang yuran dikenakan dan orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan kempen ini.

Untuk keterangan lanjut

mengenai kempen ini, boleh menghubungi Diedre Faye Danggot di talian 088320000 sambungan 61226 atau emel ke deidrefd@gmail.com atau faksimili ke 088-321373.